

SAMBAR SIUL BELUKAR
Mangrove Whistler

FAMILI: Pachycephalidae

NAMA SAINTIFIK: *Pachycephala grisola*

CIRI-CIRI: Burung ini mempunyai bulu berwarna kelabu pudar pada bahagian atasnya. Bahagian kepalanya berwarna kelabu dan mempunyai jalur melintang merentasi bahagian mata hingga ke bahagian telinga. Bahagian bawah badan burung ini berwarna putih di mana warna pada bahagian tengkuknya adalah sedikit pudar. Bahagian dadanya pula berwarna kelabu pucat. Burung ini mempunyai paruh yang agak tebal dan berwarna hitam. Mempunyai saiz kira-kira 15.5 sm hingga 17 sm.

MAKANAN: Spesies ini biasanya bergerak secara bersendirian atau berpasangan. Makanannya terdiri daripada serangga-serangga kecil yang diperolehi pada bahagian daun dan pokok-pokok renek.

HABITAT: Burung ini biasanya dijumpai di kawasan hutan paya bakau, kawasan persisiran pantai, kawasan hutan pulau dan kawasan yang diliputi oleh tumbuhan renek.

BUNYI: Burung ini menghasilkan bunyi iaitu 2 hingga 4 nota pendek yang berlainan *tit tit phiu-whiu-whit; chi chi chi wit-phew-chew; tit tit tit too-whit*. Nota yang terakhir biasanya lebih tinggi, kuat dan beralun; *tit tit tit chewy-chi-chewy*.

PEMBIAKAN: Musim membiak adalah pada bulan Mac hingga Jun di mana sarang dibina pada pokok-pokok renek pada ketinggian 1 hingga 4 m dari paras tanah. Purata telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji telur yang berukuran 21.7 x 15.7 mm dan berwarna coklat pudar serta mempunyai bintik-bintik yang berwarna coklat kegelapan.

STATUS: Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.